



马来西亚燕窝商联合会

PERSEKUTUAN PERSATUAN PEDAGANG SARANG BURUNG MALAYSIA

**PERSEKUTUAN PERSATUAN PEDAGANG SARANG BURUNG MALAYSIA  
(Registration No : 0799-08-WKL)**

**Secretariat Office : 19, Lebuh Batu Maung 12/1, 11960 Pulau Pinang.**

**Tel : 017-4614178**

**Fax : 04-6264361**

**Email : ppsbm@yahoo.com**

Minit Mesyuarat Agung Khas Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia (PPSB) yang telah diadakan pada hari Ahad, 15.12.2013, jam 10.30 am bertempat di Olympic Hall (2nd Floor), Olympic Sports Hotel, Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur.

**Hadir :**

<b><u>A. Wakil</u></b>	<b><u>Jawatan</u></b>	<b><u>Ahli Persatuan</u></b>
1. Dato' Tok Teng Sai DSMT, DMPT, ASM, AMN, PJK	Presiden	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Terengganu
2. Dato' Lee Kong Heng, DIMP, AMP	Naib Presiden	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Pahang
3. Cik Carole Loh Chooi Lean	Setiausaha	Persatuan Pengusaha Sarang Burung Walit Pulau Pinang
4. En. Mah Swee Lye	Penolong Setiausaha	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Selangor
5. En. John Chen Joon Onn, JP	Bendahari	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Melaka
6. En. Chaw Soo Peoh	Ahli Jawatankuasa	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Perak
7. En. Loh Siaw Kuei	Ahli Jawatankuasa	Sarawak Bird's Nest Merchants Association
8. En. Khor Swee Hock	Ahli Jawatankuasa	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Perlis
9. En. Cheoh Thian Shing	Ahli Jawatankuasa	Persatuan Pemilik Gudang Burung Layang-Layang Negeri Sembilan
10. En. Allen Tan Swee Meng	Ahli Jawatankuasa	Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Negeri Johor
11. En. Jesse Tang Yu Hang	Ahli Jawatankuasa	Sarawak Bird's Nest Suppliers Association
12. En. Ooi Siong Hwa, PB	Juruaudit, PPSB	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Kelantan
13. En. Out Teck Meng	Juruaudit, PPSB	Persatuan Pedagang Sarang Burung Muar
14. En. Phang Kam Wah	Ahli	Pertubuhan Perniagaan Dunia Sarang Burung Walit Malaysia
15. Dato' Lee Yuen Fong, DSNS	Ahli	Persatuan Pengusaha-pengusaha Burung Walit Negeri Sembilan Darul Khusus
16. En. Lee Koi Chuan, PPT	Ahli	Persatuan Penguatip Dan Pedagang Sarang Burung Perak Utara, Perak
17. En. Liw Chong Liong	Ahli	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Melaka

Minit Mesyuarat Agung Khas

15.12.2013

Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia

18. En. Talib bin Alias	Ahli	Persatuan Pengusaha Rumah Sarang Burung Walit , Batang Padang, Perak
19. En. Calvin Chai Boon Seong	Ahli	Persatuan Pedagang Sarang Burung Tanjung Malim, Perak
20. Pang Kok Sung	Ahli	Persatuan Pemilik Gudang Burung Layang-Layang Negeri Sembilan

**B. Tidak Hadir :****Jawatan****Ahli Persatuan**

1. Dato' Chow Liong DIMP, AMP	Ahli Jawatankuasa	Persatuan Pengusaha Sarang Burung Walit Negeri Pahang
2. En. Lawrence Tan Meng Kuang	Ahli Jawatankuasa	Persatuan Pengusaha Burung Walit Daerah Kemaman, Terengganu
3. En. Liu Thian Leong	Ahli Jawatankuasa	Sarawak Bird's Nest Import & Export Association
4. En. Chieng Lea Phing	Ahli	Persatuan Pedagang Sarang Burung Walit Bintulu
5. En. George Ng Aun Heng	Ahli	Sabah Swiftlet House & Bird's Nest Industry Association
6. En. Goh Chooi Tean	Ahli	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Kedah

**C. Delegasi:****Jawatan****Ahli Persatuan**

1. En. Koh Weng Peow	Ahli Jawatankuasa	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Perlis
2. En. Wong Teck Heng	Setiausaha	Sarawak Bird's Nest Merchants Association
3. En. Lim Boon Yeow	Naib Presiden	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Melaka
4. En. Jackson Loo Chin Choy	Setiausaha	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Selangor
5. En. Chew Kim Hock	Ahli Jawatankuasa	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Selangor
6. En. Tan Choong Wan	Bendahari	Persatuan Pengusaha-Pengusaha Burung Walit Negeri Sembilan Darul Khusus
7. En. Goh Siew Voon	Naib Presiden	Persatuan Pengusaha Rumah Sarang Burung Walit , Batang Padang, Perak
8. En. Sam Chan Chin Onn	Setiausaha	Persatuan Pengusaha Rumah Sarang Burung Walit , Batang Padang, Perak
9. Pn. Tan Mui Wa	Setiausaha	Persatuan Pedagang Sarang Burung Muar
10. En. Tsen Weng Seng	Ahli	Persatuan Pedagang Sarang Burung Muar
11. En. Kok Jek Yong	Ahli	Persatuan Pedagang Sarang Burung Tanjung Malim, Perak
12. En. Wong Ah Kuang	Ahli Jawatankuasa	Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Terengganu

13. En. Lim Chong Ek	Naib Presiden	Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Negeri Johor
14. Pn. Ng Su Mee	Ahli	Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Negeri Johor

**D. Turut Hadir:**

1. En. Liew Chin Huat	Urusetia PPSB
-----------------------	---------------

	AGENDA	CATATAN
1	<b><u>ALUAN Pengerusi</u></b>	
1.1	Dato' Tok telah mengumumkan mulanya Mesyuarat Agung Khas selepas mengesahkan cukupnya kuorum.	
1.2	<b><u>UCAPAN Pengerusi Dato' Tok Teng SAI</u></b>	
1.2.1	Dato' Tok mengumumkan bahawa dengan kali terakhir beliau berucap sebagai Presiden PPSB, beliau berterima kasih kepada ahli-ahli PPSB yang memberi kepercayaan kepada beliau, dan juga kepada bekas Presiden PPSB Dato' Paduka Beh Heng Siong yang telah membina asas PPSB yang kukuh. Pada masa yang sama beliau juga meminta maaf sebab terpaksa berpisah dengan PPSB sebelum tamatnya tempoh jawatan beliau kerana beliau berpendapat bahawa Perlembagaan PPSB telah dipinda dan sudah tiba masanya PPSB dipimpin oleh pucuk pimpinan yang baru.	
1.2.2	Dato' Tok juga sedikit sebanyak mengungkit tentang sejarah industri sarang burung walit di Malaysia, bantuan Perdana Menteri dengan perantaraan Tan Sri Ong Ka Ting dan krisis industri sejak pengumuman pengharaman pengimportan sarang burung walit oleh kerajaan China.	
2	<b><u>PROSES PILIHAN JAWATANKUASA EKSEKUTIF PPSB 2013-2015</u></b>	
2.1	Dato' Tok sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Khas mengumumkan pembubaran Jawatankuasa PPSB 2012-2014.	
2.2	Dato' Tok dilantik sebagai Speaker bagi proses pilihan tersebut, dengan cadangan oleh JP John Chen, disokong oleh Dato' Lee Kong Heng.	
2.3	<p>Senarai calon ahli jawatankuasa adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lee Koi Chuan</li> <li>2. Talib bin Alias</li> <li>3. Chai Boon Seong</li> <li>4. Phang Kam Wah</li> <li>5. Loh Siaw Kuei</li> <li>6. Chaw Soo Peoh</li> <li>7. Khor Swee Hock</li> <li>8. Pang Kok Sung</li> <li>9. Liw Chong Liong</li> <li>10. Tan Kok Wah</li> <li>11. Dato' Lee Kong Heng</li> <li>12. Dato' Lee Yuen Fong</li> <li>13. Ooi Siong Hwa</li> <li>14. Liu Thian Leong</li> <li>15. Wong Ah Kuang</li> <li>16. Mah Swee Lye</li> <li>17. Allen Tan Swee Meng</li> <li>18. Jesse Tang Yu Hang</li> <li>19. Out Teck Meng</li> </ol>	

	AGENDA	CATATAN
2.4	Selepas proses undian, En. Talib bin Alias dan En. Chaw Soo Peoh sama-sama mendapat undi yang sama, oleh itu satu proses undian tambahan diadakan untuk memilih salah satu daripada dua calon tersebut menjadi ahli jawatankuasa.	
2.5	<p>Senarai baru ahli jawatankuasa PPSB 2013-2015 adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lee Koi Chuan</li> <li>2. Talib bin Alias</li> <li>3. Phang Kam Wah</li> <li>4. Loh Siaw Kuei</li> <li>5. Khor Swee Hock</li> <li>6. Pang Kok Sung</li> <li>7. Liw Chong Liong</li> <li>8. Dato' Lee Kong Heng</li> <li>9. Dato' Lee Yuen Fong</li> <li>10. Ooi Siong Hwa</li> <li>11. Liu Thian Leong</li> <li>12. Wong Ah Kuang</li> <li>13. Mah Swee Lye</li> <li>14. Allen Tan Swee Meng</li> <li>15. Jesse Tang Yu Hang</li> <li>16. Out Teck Meng</li> </ol>	
2.6	<b><u>PEMILIHAN JAWATAN UTAMA AHLI JAWATANKUASA PPSB</u></b>	
2.6.1	Proses pemilihan dimulakan dengan jawatan Presiden, di mana Dato' Lee Kong Heng menang tanpa pertandingan, dibawah cadangan En. Ooi Siong Hwa, disokong oleh En. Mah Swee Lye.	
2.6.2	Seterusnya jawatan Timbalan Presiden dipertandingkan di antara En. Allen Tan Swee Meng dengan En. Mah Swee Lye. En. Allen Tan Swee Meng menang dengan 11 undi lawan 4 undi. Pencalonan beliau dicadangkan oleh En. Lee Koi Chuan dan disokong oleh En. Phang Kam Wah.	
2.6.3.1	<p>Terdapat 5 calon bertanding untuk jawatan Naib Presiden:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Liw Chong Liong</li> <li>ii. Loh Siaw Kuei</li> <li>iii. Mah Swee Lye</li> <li>iv. Lee Koi Chuan</li> <li>v. Ooi Siong Hwa</li> </ol>	
2.6.3.2	Hanya En. Loh Siaw Kuei muncul terpilih dengan 11 undi dalam undian pusingan pertama, di mana EN. Liw Chong Liong, En. Lee Koi Chuan & En. Ooi Siong Hwa terikat dengan 9 undi masing-masing.	
2.6.3.3	Selepas undian pusingan kedua, 2 calon yang terpilih sebagai Naib Presiden bersama-sama En. Loh Siaw Kuei ialah En. Liw Chong Liong & En. Ooi Siong Hwa.	

	AGENDA	CATATAN
2.6.3.4	<p>3 calon yang terpilih sebagai Naib Presiden PPSB adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. En. Loh Siaw Kuei</li> <li>ii. En. Liw Chong Liong</li> <li>iii. En. Ooi Siong Hwa</li> </ul>	
2.6.4	<p>Jawatan Setiausaha disandang oleh Dato' Lee Yuen Fong tanpa pertandingan kerana En. Khor Swee Hock menolak pencadangan En. Liw Chong Liong terhadapnya. Pencalonan Dato' Lee Yuen Fong dicadang oleh En. Out Teck Meng, disokong oleh En. Phang Kam Wah.</p>	
2.6.5	<p>Jawatan Penolong Setiausaha disandang oleh En. Phang Kam Wah tanpa pertandingan kerana En. Khor Swee Hock sekali lagi menolak pencadangan En. Mah Swee Lye terhadapnya. Pencalonan beliau dicadang oleh En. Khor Swee Hock, disokong oleh Dato' Lee Yuen Fong.</p>	
2.6.6	<p>Jawatan Bendahari disandang oleh En. Mah Swee Lye tanpa pertandingan. Pencalonan beliau dicadang oleh Dato' Lee Kong Heng, disokong oleh En. Liw Chong Liong.</p>	
2.6.7	<p>Juruaudit dalaman PPSB yang terpilih adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. En. Chai Boon Seong – cadangan En. Ooi Siong Hwa, sokongan En. Wong Ah Kuang</li> <li>ii. En. Tan Kok Wah – cadangan Dato' Lee Kong Heng, sokongan En. Loh Siaw Kuei</li> </ul>	
2.6.8	<p>Senarai ahli jawatankuasa PPSB baru adalah seperti berikut:</p> <p>Presiden: Dato' Lee Kong Heng</p> <p>Timbalan Presiden: Allen Tan Swee Meng</p> <p>Naib Presiden: Loh Siaw Kuei Liw Chong Liong Ooi Siong Hwa</p> <p>Setiausaha: Dato' Lee Yuen Fong</p> <p>Penolong Setiausaha: Phang Kam Wah</p> <p>Bendahari: Mah Swee Lye</p> <p>Ahli Jawatankuasa Biasa: Lee Koi Chuan Talib bin Alias Khor Swee Hock Pang Kok Sung Liu Thian Leong Wong Ah Kuang Jesse Tang Yu Hang Out Teck Meng</p>	

	AGENDA	CATATAN
3	<p><b><u>UCAPAN PRESIDEN BARU DATO' LEE KONG HENG</u></b></p> <p>3.1 Dato' Lee Kong Heng berterima kasih kepada ahli-ahli kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk menyandang jawatan Presiden PPSB.</p> <p>3.2 Dato' Lee menyebut tentang isu industri pemprosesan sarang burung tempatan, di mana bilangan kilang pemprosesan tempatan terlalu kurang, malah teknologi juga jauh rendah berbanding dengan Indonesia dan China. Beliau berharap akan dapat menganjurkan lawatan ke kilang pemprosesan Indonesia untuk belajar teknik pemprosesan menggunakan tali tanpa acuan.</p>	
4	<p><b><u>PELANTIKAN PRESIDEN &amp; PENASIHAT KEHORMAT TETAP</u></b></p> <p>4.1 Dato' Lee mencadangkan untuk melantik JP John Chen Joon Onn, Dato' Paduka Beh Heng Siong, Dato' Tok Teng Sai sebagai Presiden Kehormat Tetap PPSB, di mana Cik Carole Loh dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Kehormat Tetap PPSB, mesyuarat menerima kesemua cadangan tersebut dengan sebulat suara.</p>	
5	<p><b><u>DANA UNDANG-UNDANG</u></b></p> <p>5.1 Dato' Lee mencadangkan satu dana undang-undang diadakan untuk melindungi industri sarang burung walit dengan membiayai urusan dengan pihak kerajaan mengenai polisi yang tidak adil terhadap industri ini.</p> <p>5.2 En. Lim Chong Ek menanya sama ada dana yang dicadangkan tersebut akan dinamakan Dana Undang-undang kerana ia akan menimbulkan persepsi bahawa PPSB sedang berkonfrontasi dengan kerajaan Selangor.</p> <p>5.3 Dato' Lee menjawab bahawa PPSB bersedia mengambil tindakan sekiranya kerajaan Selangor mengambil langkah drastik terhadap premis burung walit negeri Selangor. Beliau berpandangan bahawa kes mahkamah akan mengheret isu ini beberapa tahun dan berharap selepas itu keadaan akan reda dan berubah .Dana tersebut juga boleh digunakan untuk situasi atau negeri lain yang menghadapi masalah selain daripada negeri Selangor.</p> <p>5.4 En. Lim Chong Ek juga berpendapat bahawa PPSB tidak membuat pengumuman tentang dana tersebut semasa PPSB sedang membuat rundingan dengan kerajaan Selangor.</p> <p>5.5 Jesse bertanya sama ada boleh diminta kerajaan persekutuan bersemuka dengan kerajaan negeri dalam mahkamah kerana sijil kesihatan dan veterinar dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan tetapi disangkal oleh kerajaan negeri.</p> <p>5.6 Dato' Lee menjawab bahawa kes mahkamah sangat rumit dan melibatkan banyak isu teknikal dan undang-undang tempatan, contohnya pemilik premis boleh didakwa penyalahgunaan bangunan.</p> <p>5.7 En. Khor Swee Hock mencadangkan dana tersebut diberi nama lain selain daripada Dana Undang-undang kerana istilah undang-undang lebih sensitif dan ianya akan terhad kepada penggunaan atas urusan berkaitan undang-undang sahaja.</p>	

	AGENDA	CATATAN																																										
5.8	En. Phang Kam Wah mencadangkan supaya dana tersebut diberi nama Dana Bantuan Khas Industri Sarang Burung untuk memudahkan proses pengumpulan dana pada masa depan kerana ia akan merangkumi kesemua pihak dalam industri yang memerlukan bantuan.																																											
5.9	<p>Sebagai ketua Dato' Lee bermula dengan dermaan RM1,000, dan beliau menggesa ahli-ahli mengikut jejak langkahnya dengan dermaan.</p> <p>Berikut adalah senarai ahli-ahli yang bersetuju dengan dermaan:</p> <table border="0" data-bbox="288 555 1193 1261"> <tr><td>1. Dato' Lee Kong Heng</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>2. En. Allen tan Swee Meng</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>3. En. Liw Chong Liong</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>4. Dato' Lee Yuen Fong</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>5. Dato' Tok Teng Sai</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>6. En. Ooi Siong Hwa</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>7. En. Loh Siaw Kuei</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>8. En. Phang Kam Wah</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>9. En. Mah Swee Lye</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>10. En. Talib bin Alias</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>11. En. Lee Koi Chuan</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>12. En. Pang Kok Sung</td><td>– RM500</td></tr> <tr><td>13. En. Wong Ah Kuang</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>14. En Jesse Tang Yu Hang</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>15. En. Out Teck Meng</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>16. En. Khor Swee Hock</td><td>– RM500</td></tr> <tr><td>17. En. Lim Chong Eik</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>18. En. Chai Boon Seong</td><td>– RM500</td></tr> <tr><td>19. En. Jackson Loo Chin Choy</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>20. Cik Carole Loh Chooi Lean</td><td>– RM1,000</td></tr> <tr><td>Jumlah</td><td><u>RM18,500</u></td></tr> </table>	1. Dato' Lee Kong Heng	– RM1,000	2. En. Allen tan Swee Meng	– RM1,000	3. En. Liw Chong Liong	– RM1,000	4. Dato' Lee Yuen Fong	– RM1,000	5. Dato' Tok Teng Sai	– RM1,000	6. En. Ooi Siong Hwa	– RM1,000	7. En. Loh Siaw Kuei	– RM1,000	8. En. Phang Kam Wah	– RM1,000	9. En. Mah Swee Lye	– RM1,000	10. En. Talib bin Alias	– RM1,000	11. En. Lee Koi Chuan	– RM1,000	12. En. Pang Kok Sung	– RM500	13. En. Wong Ah Kuang	– RM1,000	14. En Jesse Tang Yu Hang	– RM1,000	15. En. Out Teck Meng	– RM1,000	16. En. Khor Swee Hock	– RM500	17. En. Lim Chong Eik	– RM1,000	18. En. Chai Boon Seong	– RM500	19. En. Jackson Loo Chin Choy	– RM1,000	20. Cik Carole Loh Chooi Lean	– RM1,000	Jumlah	<u>RM18,500</u>	
1. Dato' Lee Kong Heng	– RM1,000																																											
2. En. Allen tan Swee Meng	– RM1,000																																											
3. En. Liw Chong Liong	– RM1,000																																											
4. Dato' Lee Yuen Fong	– RM1,000																																											
5. Dato' Tok Teng Sai	– RM1,000																																											
6. En. Ooi Siong Hwa	– RM1,000																																											
7. En. Loh Siaw Kuei	– RM1,000																																											
8. En. Phang Kam Wah	– RM1,000																																											
9. En. Mah Swee Lye	– RM1,000																																											
10. En. Talib bin Alias	– RM1,000																																											
11. En. Lee Koi Chuan	– RM1,000																																											
12. En. Pang Kok Sung	– RM500																																											
13. En. Wong Ah Kuang	– RM1,000																																											
14. En Jesse Tang Yu Hang	– RM1,000																																											
15. En. Out Teck Meng	– RM1,000																																											
16. En. Khor Swee Hock	– RM500																																											
17. En. Lim Chong Eik	– RM1,000																																											
18. En. Chai Boon Seong	– RM500																																											
19. En. Jackson Loo Chin Choy	– RM1,000																																											
20. Cik Carole Loh Chooi Lean	– RM1,000																																											
Jumlah	<u>RM18,500</u>																																											
6	<b><u>PELANTIKAN EN. TAN BOON HOW SEBAGAI PENASIHAT PPSB</u></b>																																											
6.1	Dato' Lee melaporkan bahawa beliau melantik En. Tan Boon How sebagai penasihat PPSB dalam jawatankuasa kecil semasalawatan persatuan dari Guangdong pada 02 Disember lalu. Dato' Lee cuba mendapat pendapat jawatankuasa PPSB sama ada bersetuju melantik En. Tan sebagai penasihat rasmi PPSB.																																											
6.2	Menurut En. Allen Tan, En. Tan Boon How banyak memberi maklumat kepada PPSB di mana kebanyakan maklumat itu berasal dari China. En. Allen Tan juga memuji En. Tan yang banyak membantu semasa lawatan persatuan dari Guang Dong, dan beliau berpendapat jika En. Tan terus menyumbang kepada PPSB maka bolehlah dijemput menjadi ahli jawatankuasa kecil PPSB. Walau bagaimanapun En. Allen Tan ingin mendengar pendapat dari semua ahli jawatankuasa yang lain.																																											



	AGENDA	CATATAN
6.3	Dato' Lee juga melaporkan bahawa En. Tan Boon How akan dilantik oleh Jawatankuasa Sarang Burung China (国燕委) sebagai Duta Khas Sarang Burung Malaysia.	
6.4	En. Mah Swee Lye berpendapat bahawa adalah tidak perlu PPSB melantik penasihat sedangkan PPSB mempunyai President dan Penasihat Undang-Undang Kehormat Tetap. PPSB boleh melantik En. Tan sebagai duta khas bagi sesuatu aktiviti tertentu sahaja apabila kepakaran beliau diperlukan.	
6.5	En. Allen Tan menanya jawatankuasa PPSB sama ada boleh mengiktiraf En. Tan Boon How sebagai penghubung di antara PPSB dengan agensi-agensi kerajaan China. Beliau ingin mendapat komen terutamanya daripada ahli jawatankuasa penganjuran lawatan persatuan Guang Dong.	
6.6	En. Phang Kam Wah yang merupakan salah seorang ahli dalam jawatankuasa penganjuran lawatan persatuan Guang Dong juga memuji En. Tan Boon How yang sangat arif berkomunikasi dengan delegasi dari China, kerana En. Tan sangat memahami sikap dan pemikiran rakyat China. Oleh itu penganjuran tersebut berjalan dengan sangat lancar walaupun segala persediaan dilakukan dalam masa yang sangat singkat.	
6.7	En. Ooi Siong Hwa yang juga salah seorang ahli dalam jawatankuasa penganjuran lawatan persatuan Guang Dong juga bersetuju jika En. Tan dilantik sebagai penasihat dalam jawatankuasa kecil PPSB kerana En. Tan banyak memberi maklumat yang penting kepada PPSB semasa berlakunya tragedi sarang burung merah.	
6.8	En. Liw Chong Liong berpendapat bahawa PPSB harus lebih menitik berat tentang masa depan, iaitu apakah kesan yang akan dihadapi PPSB selepas En. Tan Boon How dilantik sebagai Duta Khas Sarang Burung Malaysia.	
6.9	Dato' Lee Yuen Fong berpendapat bahawa PPSB tidak perlu tergesa-gesa membuat keputusan sama ada akan melantik penasihat kerana masih ada banyak kerja lain yang perlu disiapkan seperti dana undang-undang. Dato' Lee Yuen Fong berharap perkara ini akan ditangguhkan ke masa depan. Dato' Lee Yuen Fong juga mencadangkan bahawa PPSB harus menulis surat rasmi kepada agensi-agensi China menyatakan pandangan PPSB iaitu sebarang pemindahan atau penukaran maklumat seharusnya dilakukan di antara agensi, bukannya antara agensi dengan seseorang individu.	
6.10	Dato' Lee Kong Heng menerima bahawa perkara itu harusnya ditangguhkan.	
7	<b><u>PENUBUHAN JAWATANKUASA KECIL PENGEKSPORTAN SARANG BURUNG MENTAH BELUM PROSES (RAW-UNCLEAN)</u></b>	
7.1	Menurut Dato' Lee Kong Heng, beliau mendapat berita semasa bermesyuarat dengan JPV dari Ketua Pengarah Datuk Aziz bahawa Kementerian Pertanian tidak bersetuju dengan pengeksporan sarang burung walit mentah belum proses (raw-unclean). Datuk Aziz akan membawa perkara ini ke Kabinet untuk membuat keputusan.	

	AGENDA	CATATAN
7.2	Dato' Lee Kong Heng bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa kecil untuk berkomunikasi dengan agensi kerajaan mengenai isu tersebut. Dato' Lee mencadangkan En. Liw sebagai ketua jawatankuasa tersebut kerana beliau sendiri bersama En. Mah Swee Lye merupakan salah satu daripada pengeksport yang mendapat kelulusan China, dan ia merupakan percanggahan kepentingan.	
7.3	En. Liw berharap mendapat bantuan daripada Dato' Lee dan En. Mah walaupun kedua-dua mereka tidak dapat melibatkan diri, dan juga ahli-ahli jawatankuasa kecil yang telah dipilihnya kerana tanggungjawab ini terlalu berat dipikul seorang. Beliau juga meluahkan kemungkinan PPSB harus bekerjasama dengan persatuan lain untuk menggandakan kuasa PPSB. En. Liw berpandangan bahawa sarang burung yang belum atau yang telah diproses harus dieksport.	
8	<b><u>KELEBIHAN SISTEM DAYA JEJAK</u></b>	
8.1	Menurut Dato' Lee Kong Heng, sekarang merupakan masa yang kritikal dalam pengeksportan sarang burung walit telah proses, iaitu perbincangan sistem daya jejak antara kedua-dua negara. Untuk pengetahuan lebih mendalam, En. Jesse Tang diminta memberi penjelasan kepada ahli-ahli mesyuarat.	
8.2	<p>Laporan En. Jesse Tang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penyelarasan sedang dibuat antara para peniaga sarang burung walit China dengan agensi kerajaan China untuk memastikan polisi dan sistem yang ditetapkan praktikal, berkesan dan boleh diguna pakai oleh kedua-dua pihak peniaga dari China dan Malaysia.</li> <li>b. Pihak kerajaan China lebih menitik beratkan tindakan penyimpanan balik stok sekiranya timbulnya masalah. Isu-isu teknikal semasa proses penyimpanan balik stok bermasalah dan cara untuk mengaitkan sistem daya jejak dengan stok masih lagi perlu disepadukan. Ini adalah kerana terdapat sistem yang berbeza-beza digunakan.</li> <li>c. Jika dihadkan hanya satu sistem digunakan, maka segala isu dapat diatasi dengan mudah kerana syarikat beliau telah menjalankan ujian dengan hanya menggunakan satu sistem dari pengeksport sampai ke pengguna, dan proses penyimpanan semula stok bermasalah dapat dilakukan dengan lancar.</li> <li>d. En. Jesse Tang menyeru 8 syarikat pengeksport yang mendapat kelulusan dapat mencapai persetujuan tentang penggunaan sistem daya jejak dengan secepat mungkin.</li> <li>e. Oleh kerana agensi China (国燕委) tidak melibatkan diri dalam pembangunan sistem daya jejak, maka agensi tersebut berharap dengan lawatan ke syarikat En. Jesse Tang, ianya dapat meminjam konsep sistem beliau untuk membuat kesimpulan tentang sistem daya jejak yang boleh diterima oleh para peniaga.</li> <li>f. Walaupun terdapat banyak kilang pemprosesan sarang burung walit di China, tetapi di antaranya tidak banyak kilang yang berskala besar dan berstandard tinggi. Kilang-kilang tersebut juga berharap SOP untuk pemprosesan sarang burung walit boleh dikemaskini secepat mungkin.</li> </ul>	

	AGENDA	CATATAN
	<p>Oleh kerana tidak ada perkara-perkara lain yang hendak dibincangkan, mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.15 petang.</p> <p>Disahkan sebagai Catitan Mesyuarat yang betul</p> <p>----- Dato' Lee Kong Heng, DIMP, AMP. Pengerusi</p> <p>Tarikh:</p>	